

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

GLC, GLIC memperkasa Keluarga Malaysia pulih ekonomi negara

Soalan (S): Bagaimanakah GLC/GLIC dapat mengukuhkan lagi peranan mereka dalam memberikan impak yang optimum bagi memastikan kesejahteraan berterusan dan inklusif kepada Keluarga Malaysia?
Jawapan (J): Pertama sekali, saya ingin menerangkan konsep GLC/GLIC ini, kerajaan memainkan peranan aktif di dalam aset strategik negara dan ia lazim diguna pakai banyak negara maju dan membangun. Bagi Malaysia, konsep GLC/GLIC penting bagi memastikan pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan dengan teratur.

GLC dan pemegang saham menguasainya, GLIC adalah komponen penting dalam struktur ekonomi negara. Beberapa dekad lalu, walaupun penstrukturan giat dilakukan, GLC masih kekal sebagai penyedia perkhidmatan utama dan strategik, termasuk bekalan elektrik, telekomunikasi, perkhidmatan pos, sistem penerbangan, lapangan terbang, pengangkutan awam, air dan pembetungan, perbankan dan perkhidmatan kewangan.

GLC merangkumi kira-kira RM445 bilion dalam permodalan pasaran atau kira-kira 25 peratus dalam permodalan pasaran Bursa Malaysia. Kedua, walaupun kita pernah melaksanakan Program Prestasi Tinggi GLC pada 2004-2014, antara lain penjelasan mandat GLC dalam konteks pembangunan negara dan meningkatkan tadbir urus korporat GLC, mereka perlu sentiasa tangkas (agile), terutama dari segi penambahbaikan berterusan dan pengukuhan peranan GLC/GLIC agar kekal berdaya saing.

Ini penting di dalam konteks norma baharu pasca COVID-19 serta landskap perniagaan global sentiasa berubah, bagi memastikan GLC/GLIC boleh memberikan impak optimum dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Contohnya, dari segi melaksanakan dasar kerajaan untuk membina keupayaan dalam sektor industri penting seperti semikonduktor, menjadi penyumbang utama kepada industri berteraskan 4IR dan teknologi baharu.

Melalui rangkaian global masing-masing, GLC berperanan membantu negara menarik pelaburan dalam sektor tertentu seperti industri berteraskan pembangunan mampan.

Ketiga, bagi GLC/GLIC, kita tidak mahukan hanya output, tetapi juga outcome atau keberkesanan bukan sahaja dari segi prestasi kewangan, tetapi juga dari segi impak positif berterusan kepada ekosistem perniagaan, terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

GLC, GLIC memperkasa Keluarga Malaysia pulih ekonomi negara

Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah pemangkin utama ekonomi dan berperanan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Segala-galanya bermula dengan penubuhan entiti seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 1951 dan seterusnya PETRONAS pada 1974. Pada 2004, satu inisiatif dilaksanakan untuk menstruktur semula mandat, tadbir urus, keupayaan dan keberkesanan lembaga pengarah dalam menjana GLC berprestasi tinggi. Program memabitkan 20 GLC dan lima GLIC terpilih ini selesai pada 2015. Ternyata program ini antara lain menyaksikan keberhasilannya, termasuklah peningkatan permodalan pasaran bagi 20 GLC sebanyak 2.9 kali kepada RM386 bilion, peningkatan hasil bersih sebanyak RM26.2 bilion setahun, serta peningkatan jumlah pulangan pemegang saham, kepada 11.1 peratus setahun. Namun, landskap operasi kini mengalami banyak perubahan dan memerlukan pelbagai tuntutan norma baharu susulan pandemik COVID-19 yang menjadikan laluan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju semakin rumit. Kerajaan Keluarga Malaysia pimpinan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memastikan kesinambungan kejayaan GLC dan GLIC pada masa lalu serta hasil dicipta ini dipulangkan kembali untuk kesejahteraan rakyat.

Berikut adalah wawancara dengan Perdana Menteri mengenai penyusunan semula fungsi serta peranan GLC dan GLIC pasca pandemik bertujuan memperkasakan seluruh Keluarga Malaysia dalam memulih dan membangunkan ekonomi negara.

(PMKS) serta masyarakat secara menyeluruh.

Manfaat pertumbuhan ekonomi perlu diagihkan secara saksama (equitable) bagi memastikan pembangunan yang mampan dan inklusif untuk seluruh Keluarga Malaysia.

S: Kita mempunyai pelbagai inisiatif baik, namun kadangkala pelaksanaan menjadi isu. Bagaimanakah kerajaan akan memastikan keberhasilan inisiatif di bawah GLC/GLIC ini, terutama untuk merapatkan jurang dalam sektor sosioekonomi pasca-COVID-19?

J: Tidak dinafikan, pandemik COVID-19 melebarkan jurang antara mereka yang berkecukupan dan tidak berkecukupan, sama ada dalam sektor perniagaan, contohnya

syarikat kecil dan mikro, mahupun dari segi kemampuan golongan B40 berbanding yang lain.


Dalam menggubal Bajet 2022, saya banyak menyuarakan kepada Kementerian Kewangan agar penekanan diberi kepada usaha merapatkan jurang kemampuan, kekayaan dan digital yang menjadi lebih ketara akibat pandemik COVID-19.

Contohnya di dalam Bajet 2022, kerajaan memperuntukkan RM3 bilion melalui inisiatif Jalanan GLC. Memperkasa PKS, bagi membantu usahawan PMKS melalui program seperti khidmat nasihat dan sokongan kewangan. Selain itu, GLC/GLIC juga diberi beberapa objektif jelas atau Key Performance Indicators (KPI), termasuk untuk mempercepatkan bayaran kepada vendor selewat-lewatnya 14 hari daripada tarikh pengesahan invoice.

Bajet 2022 juga mengunjurkan pelaburan bernilai sekurang-kurangnya RM30 bilion oleh syarikat GLC dalam bidang tenaga boleh diperbaharui serta pemodernan rangkaian bekalan atau infrastruktur 5G. Ini bakal meranatkan PKS yang berkecimpung di dalam bidang ini.

Menyerusi usaha ini, kita juga mengutamakan pemerkasaan Bumiputera yang mana Bajet 2022 menekankan 40 peratus perolehan tempatan melalui GLC/GLIC perlu dihususkan untuk usahawan Bumiputera.

Selama berpuluh tahun, GLC/GLIC banyak melaksanakan langkah memanfaatkan rakyat secara langsung. Secara keseluruhan, GLC/GLIC menggaji kira-kira 500,000 tenaga kerja negara. Secara tidak langsung pula, GLC/GLIC menyokong berjuta tenaga kerja melalui ekosistemnya



Lihat Muka 12